

Tahap Pencapaian Kemahiran Pelajar PTSS dan PMTG Menggunakan Kamera DSLR dari Aspek Penguasaan Kombinasi *Aperture* dan *Shutter Speed*

Norhasaliza Binti Hassan

norhasaliza@gmail.com

Politeknik Metro Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Surianis Binti Dalimin

suriakuanis@gmail.com

Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang

Sharifah Nor Husna Binti Syed Alias

aliashusna30@gmail.com

Politeknik Metro Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Abstrak

Tahap pencapaian kemahiran pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Politeknik Metro Tasek Gelugor dalam menggunakan kamera *DSLR* (*Digital single Lens Reflex*) dari aspek penguasaan kombinasi *aperture* dan *shutter speed* merupakan satu keperluan asas yang sangat penting bagi seseorang pelajar dalam memahirkan diri untuk menggunakan kamera *DSLR*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti halangan yang di hadapi oleh pelajar dalam menguasai *aperture* dan *shutter speed*. Perkara ini perlu dikenal pasti agar pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan seterusnya mencapai kualiti dalam penghasilan gambar. Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 27 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Video dan Pengajian filem yang mengambil kursus DVG1012 *Fundamental of Digital Photography* semester 1 (DDV1) sesi Jun 2019 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Politeknik Metro Tasek Gelugor. Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kuantitatif melalui pengumpulan data soal selidik kepada pelajar. Hasil dapatan kajian akan menjawab persoalan kajian berdasarkan analisis penilaian kuantitatif yang telah dijalankan. Penilaian dijalankan menggunakan Borang Soal Selidik. Hasil daripada analisis dapatan soal selidik ini skor nilai min yang diberi oleh responden sangat memberangsangkan kerana kebanyakan responden sangat setuju dengan pengetahuan asas dan penguasaan kombinasi aperture dan shutter speed selepas melalui pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: *Fotografi, aperture, shutter speed,*

1.0 Pengenalan

Don't shoot what it looks like. Shoot what it feel like" (David Alan Harvey)

Perkataan "fotografi" adalah gabungan perkataan dari Greek "photo-," bermaksud "ahaya" dan "-graphia," ialah "penulisan" atau "lukisan". Oleh itu, "fotografi" secara literal bermakna "menulis atau melukis dengan cahaya." (Sir John Herschel 1839).Imej Fotografi merupakan salah satu bentuk komunikasi non-verbal, iaitu membawa maksud komunikasi dengan menggunakan gambar. Fotografi adalah bentuk ekspresi seorang jurugambar terhadap apa yang dilihatnya atau diabadikannya dengan gambar pada khalayak . Berdasarkan pengertian tersebut, dapat difahami bahawa, fotografi merupakan salah satu media penyalur atau penyampaian mesej seorang jurugambar, kepada masyarakat yang melihat foto tersebut (Diaz 2012)

Bidang fotografi merupakan bidang yang penting dan popular dalam kalangan rakyat Malaysia ketika ini, malah di seluruh dunia. Kepentingannya dapat di lihat dalam segenap aspek kehidupan kita hari ini, seperti gambar untuk kegunaan rasmi, peribadi, komersial, pendidikan, penyelidikan, penyiasatan apatah lagi jika dilihat dalam bidang komunikasi am, seperti majalah dan surat khabar. Lambakan imej fotografi dalam dunia internet seperti yang disiarkan dalam laman sesawang, blog dan media sosial, juga merupakan satu gambaran besar yang menunjukkan betapa pentingnya fotografi kepada kehidupan kita (Sabki Md Noh, M Shariful Hafizal)

Perkara-perkara asas dalam fotogari perlu difahami oleh seseorang yang ingin mempelajari fotografi adalah cahaya, kamera serta komponen-komponen utamanya, iaitu aperture, pengatup dan bahan sensitive cahaya. Kemahiran pelajar dalam penggunaan kamera *DSLR (Digital single Lens Reflex)* dari segi penguasaan kombinasi *aperture dan shutter speed* merupakan satu keperluan asas yang sangat penting bagi seseorang pelajar dalam memahirkan diri untuk menggunakan kamera *DSLR*. Apertur atau bukaan lensa (*aperture*) adalah salah satu kawalan paling asas yang penting pada kamera. Apertur ialah bukaan di dalam lensa yang berfungsi untuk mengawal jumlah kemasukkan cahaya ke dalam kamera berdasarkan saiz bukaan, iaitu apabila bukaan bersaiz besar, jumlah cahaya yang besar akan dibenarkan masuk dan begitulah sebaliknya apabila bukaan bersaiz kecil.

Shutter speed pula adalah Kelajuan jangka waktu kamera terbuka, memperlihatkan cahaya ke sensor kamera. Pada dasarnya, berapa lama masa kamera digunakan untuk mengambil gambar. Apabila menggunakan kelajuan dengan masa yang lama, ianya mendedahkan sensor untuk jangka masa yang lama. Kesan pada gambar adalah kelihatan kabur. Sekiranya kelajuan pengatup lama, subjek yang bergerak akan kelihatan kabur di sepanjang arah gerakan. Kesan ini sering digunakan dalam iklan kereta dan motosikal, dengan sengaja mengaburkan roda yang bergerak.

Daripada kajian rintis yang dijalankan sebanyak 98% pelajar baru iaitu pelajar semester satu tidak tahu menggunakan kamera Dslr (Digiral single lens reflex), Manakala hanya 2% yang boleh menggunakan kamera Dslr ini kerana pelajar tersebut mempelajari matapelajaran fotografi atau menyertai kelab fotografi ketika di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap minat pelajar dan tahap pengetahuan asas pelajar terhadap penguasaan kombinasi apertur dan *shutter speed* semasa menggunakan kamera Dslr. Kajian ini juga bertujuan menilai tahap pencapaian pelajar dalam menggunakan kamera Dslr (*digital single lens reflex*) dari aspek penguasaan kombinasi apertur (*aperture*) dan *shutter speed*

2. Methodology

Menurut ‘Hornby’ (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian tertentu. Oleh itu dalam kajian ini soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan dapatan kajian. David Lim et al (2010) mendefinisikan soal selidik sebagai satu set soalan bercetak yang digunakan untuk mengutip atau memperolehi data kajian secara laporan sendiri daripada subjek atau responden kajian. Instrumen ini dipilih kerana kebolehtadbiran dan kobolehpercayaan, iaitu borang selidik dapat ditadbir sendiri oleh pengkaji secara bersemuka melalui proses pembelajaran bersama pelajar. Pengkaji juga dapat mengedat borang soal selidik sendiri kepada responden dan dapat menjelaskan tujuan sebenar kajian dilaksanakan. Deobold (1999) menamakan kaedah pengedaran borang soal selidik ini sebagai kaedah hubungan secara terus. Deobold menyatakan kebaikan kaedah ini ialah pengkaji dapat menerangkan tujuan dan kepentingan kajian yang dilaksanakan. ini secara tidak langsung dapat mengelakkan penolakan atau mengurangkan jawapan yang dijawab secara setengah atau separuh oleh responden.

Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama mengenai latar belakang responden antara soalan terkandung ialah jantina, bangsa, umur dan jabatan pengajian responden. Manakala bahagian dua mengenai mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap fotografi, mengenal pasti tahap pengetahuan asas pelajar dan mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan apertur selepas melalui pembelajaran berpusatkan pelajar. Item-item soal selidik ini berbentuk tertutup dan dijawab dengan menandakan takat atau unit pada skala likert 5 yang ditetapkan iaitu 1 untuk sangat tidak setuju, 2 untuk tidak setuju, 3 untuk kurang setuju, 4 untuk setuju, dan 5 untuk sangat setuju.

Soal selidik telah diedarkan secara rawak ke atas 27 orang responden di kalangan kumpulan sasaran iaitu pelajar semester satu yang mengikuti pembelajaran bagi kursus *Fundamental Of Digital Photography* di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis dan Politeknik Metro Tasek Gelugor, . Dari dapatan soal selidik ini merupakan data kuantitatif. Data kuantitatif ialah data yang diperolehi daripada responden pilihan aneka jawapan dan skala likert yang digunakan dalam item soal selidik. Kumpulan data ini dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *Statistic Package for the Social Science (SPSS)*. Menurut Mohd Majid (1990), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemerolehan data. Operasinya boleh dalam bentuk jadual, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Manakala interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Dr. Jamil Ahmad (2002).

Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah. Satu penilaian tesis. Pemeringkatan skala skor min seperti jadual dalam rajah 2.1 di bawah.

Jadual 2.1: Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min		Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah	(Kurang setuju/kurang membantu/kurang mahir/kurang memenuhi/ tidak pasti/kadang-kadang/tiada/sebahagian kecil)
2.34 hingga 3.66	Sederhana	(Setuju/membantu/mahir/memenuhi/separuh)
3.67 hingga 5	Tinggi	(Sangat setuju/sangat membantu/sangat mahir/sangat memenuhi/sangat selalu/semua/sebahagian besar)

Item yang menggunakan respon aneka pilihan jawapan adalah bagi bahagian maklumat latarbelakang responden, manakala item respon skala likert dengan menjalankan pentaksiran dua bentuk instrumen ini kepada kumpulan yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Berikut adalah yang menunjukkan dapatan dari kajian ini selaras dengan objektif kajian yang digariskan.

Jadual 2.2: Taburan Respon Terhadap Objektif Kajian di Dalam Instrumen Kajian

Instrumen Kajian		Objektif Kajian		
Soal Selidik		1	2	3
Bahagian A : Maklumat Diri Responden				
Bahagian B	Item 1 : Mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap fotografi	✓		
	Item 2 : Mengenal pasti tahap pengetahuan asas pelajar		✓	
	Item 3 : Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan apertur selepas melalui pembelajaran berpusatkan pelajar			✓

Jadual 2.2 di atas menunjukkan bahagian item pentaksiran yang terdapat di dalam instrumen kajian iaitu soal selidik yang digunakan bagi mengukur respon dari sampel selaras dengan objektif kajian yang ditetapkan pada awalnya. Taburan bahagian item pentaksiran ini, dapat merumuskan bahawa ia meliputi kesemua sasaran yang digariskan dalam objektif kajian serta menjawab soalan kajian.

3.0 Keputusan dan perbincangan

3.1 Mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap fotografi

Daripada data yang ditunjukkan di dalam jadual 3 berikut, maka dapat dirumuskan bahawa majoriti pelajar yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini adalah sangat bersetuju dengan minat mereka terhadap fotografi.

Jadual 3 : Mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap fotografi

Item	Nilai skor (min)	Petunjuk purata skor
Saya sentiasa memberi fokus ketika sesi PdP	4.2593	Tinggi
Saya menghadiri kelas fotografi setiap hari mengikut jadual	4.8148	Tinggi
Saya akan membantu rakan yang memerlukan perkhidmatan fotografi	4.1111	Tinggi
Saya melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dilakukan didalam kelas	4.5185	Tinggi
Saya membuat latihan menggunakan kamera ketika masa lapang	3.4444	Sederhana
Total	4.2296	Tinggi

3.2 Mengenal pasti tahap pengetahuan asas pelajar.

Jadual 4 di bawah menunjukkan rumusan nilai min bagi item pengetahuan asas pelajar, secara keseluruhannya menunjukkan interprestasi skor minnya ialah “setuju” iaitu skala min 2.34 hingga 3.66 sebagaimana merujuk kepada sumber Dr. Jamil Ahmad (2002). Hanya skor pada item saya mengetahui mengenai apertur bukaan dalam lensa ini menunjukkan interprestasi skor min yang tinggi iaitu 4.2222. Ini menjelaskan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa mereka pengetahuan asas pelajar dari segi apertur adalah baik dan mereka memahami ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4: mengenal pasti tahap pengetahuan asas pelajar

Item	Nilai skor (min)	Petunjuk purata skor
Saya mengetahui setiap papan kekunci (button) yang ada pada kamera dslr	3.9259	Tinggi
Semasa di sekolah saya mengambil subjek berkaitan fotografi	2.2593	Rendah
Saya mengetahui mengenai apertur dan <i>shutter speed</i>	4.2222	Tinggi
fotografi bermaksud melukis dengan cahaya	3.4444	Sederhana
Saya mempunyai kelab fotografi di luar pembelajaran	1.8889	Rendah

Total	3.1481	Sederhana
-------	--------	-----------

3.3 Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar

Dalam penguasaan apertur selepas melalui pembelajaran berpusatkan pelajar.

Merujuk kepada data yang diperolehi dari jadual 5 di bawah berkenaan mengenalpasti tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan apertur selepas melalui pembelajaran berpusatkan pelajar, maka dapat dirumuskan bahawa kebanyakan responden bersetuju mereka dapat membezakan jumlah kemasukan cahaya di dalam lensa melalui saiz yang ada pada apertur. Ini kerana latihan yang diberikan kepada pelajar setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 5: Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar Dalam penguasaan apertur selepas melalui pembelajaran berpusatkan pelajar.

Item	Nilai skor (min)	Petunjuk purata skor
Saya selalu membuat latihan di luar waktu PdP	3.2593	Sederhana
Saya tahu mengambil gambar pada waktu malam	3.5926	sedehana
Saya tahu membezakan jumlah kemasukkan cahaya berdasarkan saiz bukaan lensa (aperture).	3.8519	Tinggi
Saya mengambil gambar kenderaan bergerak dengan menggunakan <i>shutter speed</i> 1/400 dan saya mendapati gambar itu pegun atau berhenti. Ini kerana <i>shutter speed</i> 1/400 adalah tinggi	4.1852	Tinggi
Saya tahu menggunakan semua saiz yang ada pada aperture dan <i>shutter speed</i>	3.9630	Tinggi
Total	3.7704	Tinggi

Rujukan

- Helen Drew, (2005). *The Fundamentals of Photography*. SA Switzerland: VA Academia.
- Sabki Md.Noh, M Shariful Hafizal (2017). *Panduan Asas Fotografi*: ISBN 978-983-49-0196-7
- Longford. M.J. 1982. *The Master Guide to Photography*. New York: Knopf
- Diaz, Amy.Catherine. (2012). *Photography in Social Work Research: Using Visual Image to Humanize Findings. Qualitative Social Work* 20.
- Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad, J. (2002) *Pemupukan Budaya Penyelidikan Dikalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Ph.D. Thesis, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hornby (1985) dalam Nor Hidayah Binti Mohamed (2004). *Pembinaan E-Modul Mata Pelajaran Hidrologi : Kajian Di Politeknik Shah Alam*. Tesis, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- David Lim et al. (2010) HBEF2503: *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Open University of Malaysia, Kuala Lumpur.

Deobold PV (1999) Memahami Penyelidikan Pendidikan. In: Abdul Fatah Abdul Malik, Mohd. Majid Konting (eds). Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
Nadzi mohd Sharif, Kepentingan imej Fotografi dalam kandungan Sosial , Kebudayaan dan Sejarah Melayu